

Kebaya bukan sekadar pakaian sebaliknya menjadi testimoni pengaruh dan perkembangan sebuah negara

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Baru-baru ini Malaysia melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sedang menerajui inisiatif untuk mengangkat kebaya sebagai pencalonan bersama ke Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Pencalonan itu dibuat bagi kategori warisan tidak ketara (*Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity*) bagi tahun 2023, yang akan dicalonkan secara bersama negara Brunei, Singapura dan Thailand.

Pencalonan ini tentu saja sangat menarik kerana kebaya adalah warisan dan identiti bukan hanya orang Melayu tetapi juga Peranakan Cina, Chitty dan masyarakat



# Menobat kebaya sebagai warisan tidak ketara

## Kebaya Nyonya

Asliza berkata, bagi Nyonya Peranakan, mereka memakai kebaya dengan gaya berbeza daripada wanita Melayu kerana menggunakan lebih banyak hiasan sulaman yang membawa makna dan falsafah tertentu pada motif mengikut kepercayaan kaum Cina.

Mereka juga turut mengenakan anak baju di sebelah dalam kebaya kerana jenis fabrik yang digunakan selalunya nipis dan jarang seperti kain kasa.

“Umumnya, baju Kebaya Nyonya digayakan dengan batik pekalongan atau batik lasem dan kerongsang yang digunakan adalah kerongsang ibu dan anak ataupun kerongsang berantai.

“Kebaya biku dan kebaya renda juga sangat popular dalam kalangan Cina Peranakan,” katanya.

Tegas Asliza, selain itu di antara jenis kebaya moden yang pernah menjadi fesyen dan kerap menjadi pilihan untuk digayakan pada tahun 1990-an ialah kebarung, iaitu potongan kebaya yang digabungkan dengan pesak dan kekek baju kurung.

Selain daripada kebaya tradisional, kebaya moden dipakai oleh semua kaum di negara ini terutama pada majlis rasmi dan musim perayaan.

Justeru, keindahan dan keunikan kebaya sebenarnya bukan hanya terletak kepada potongan dan pilihan fabrik tetapi juga sejarah dan

lain di Asia Tenggara.

Pakar Bidang Seni Reka Fesyen, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Asliza Aris, berkata kebaya dikenali sebagai pakaian tradisional yang mencerminkan pakaian wanita Melayu di Nusantara suatu ketika dulu.

Katanya, seawal tahun 1910, penulis-penulis barat sudah mula menulis mengenai pakaian Melayu ini dengan gambaran wanita Melayu memakai sejenis baju longgar dan labuh bermula dari paras menutupi pinggul hingga ada yang mencecah ke tanah.

“Melalui deskripsi yang diberikan berdasarkan pengamatan di istana dan dalam kalangan bangsawan pada masa itu, wanita Melayu dipercayai mula memakai gaya pakaian yang lengkap iaitu daripada jenis baju kurung dan baju belah.

“Bagaimanapun, untuk mendakwa kebaya ini berasal dari mana amatlah sukar kerana tidak diketahui siapakah pencipta asal atau yang pertama mencipta pakaian Melayu ini.

“Ia disebabkan bentuk pakaiannya banyak dipengaruhi oleh budaya luar yang masuk ke Tanah Melayu pada ketika itu melalui aktiviti perdagangan dan diplomatik,” katanya.

#### **Pengaruh Arab**

Justeru tegas Asliza, baju belah adalah pakaian yang paling dekat dari segi potongannya dengan kebaya kerana ia mempunyai potongan badan lurus dan berbelah di bahagian tengah hadapan badan.

Malah katanya, semasa kedatangan Portugis di Tanah Melayu, sudah ada pemakaian baju itu dengan bahagian belahan baju dikancing

dengan pin baju atau kerongsang.

Asliza menjelaskan, baju ini juga ada di Indonesia dan dikenali dengan nama baju panjang.

Malah dikatakan baju panjang ini mula diperkenalkan oleh orang Belanda yang ketika itu ingin mendekati masyarakat setempat di Indonesia menerusi cara pemakaian supaya tidak nampak janggal apabila berada dengan kelompok masyarakat itu.

“Namun ia diubah sedikit mengikut potongan badan supaya tampak lebih berfesyen dan menarik berbanding baju yang kelihatan longgar saja.

“Selain itu, ada juga yang mendakwa kebaya juga mempunyai pengaruh daripada pakaian Arab, malah kebaya juga dikatakan berasal daripada perkataan ‘abaya’ iaitu pakaian yang dipakai oleh pedagang Arab di Tanah Melayu pada abad ke 15,” katanya.

Bagaimanapun katanya, ada pandangan lain yang mengatakan asal nama kebaya ini mempunyai kaitan dengan nama kota di Indonesia, iaitu Surabaya.

Jelasnya lagi, hari ini, terdapat pelbagai jenis kebaya yang dipakai oleh wanita Melayu dan mempunyai beberapa variasi mengikut negeri-



“**Asalnya, Kebaya Melayu bentuknya mengikut badan tetapi tidaklah begitu ketat, bagaimanapun, pengaruh ikon filem Melayu pada tahun 1940-an hingga 1960-an merubah bentuk Kebaya Melayu menjadi ketat terutamanya di bahagian pinggang**”

**Asliza Aris**

“Antaranya, kaum Cina Peranakan (Nyonya) dan India Peranakan (Chettiar) di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

“Hal ini terjadi adalah kerana asimilasi budaya yang berlaku di antara kaum yang datang berhijrah ke Tanah Melayu,” katanya.

negeri seperti Kebaya Selangor, Kebaya Perlis, Kebaya Kota Bharu, Kebaya Setengah Tiang dan kebaya sulam.

Namun secara umumnya, labuh baju kebaya boleh dipakai sama ada pendek, pada paras punggung atau labuh sehingga mencecah buku lali.

“Asalnya, Kebaya Melayu bentuknya mengikut badan tetapi tidaklah begitu ketat, bagaimanapun, pengaruh ikon filem Melayu pada tahun 1940-an hingga 1960-an merubah bentuk Kebaya Melayu menjadi ketat terutamanya di bahagian pinggang.

“Kebiasaannya, kebaya dipadankan dengan kain batik Jawa atau kain batik biasa yang diperbuat daripada fabrik kapas, kain tenun, kain Bugis dan kain pelikat.

“Selain daripada kebaya yang dipakai oleh perempuan Melayu, terdapat juga beberapa jenis kebaya yang dipakai oleh kaum-kaum lain di negara ini.

Seawal tahun 1910, penulis Barat sudah menulis mengenai pakaian Melayu ini dengan gambaran wanitanya memakai baju longgar dan labuh bermula dari paras menutupi pinggul hingga ada yang mencecah tanah.

Asal usul kebaya tidak dapat dipastikan tetapi seiring perkembangan zaman ia turut dipengaruhi budaya luar yang masuk ke Tanah Melayu.

asimilasi budaya. Malah ia juga boleh dilihat sebagai testimoni kepada perkembangan sebuah negara.

